

	<p style="text-align: center;"><b>SIARAN MEDIA</b> Untuk maklumat lanjut sila hubungi: <b>Bahagian Komunikasi Korporat</b> <b>Perbadanan Putrajaya</b> <b>Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013</b></p>
---	--

## PUTRAJAYA WIND ORCHESTRA COMPETITION 2019

**PUTRAJAYA, 23 Februari** – Seramai 300 pelajar terdiri daripada 5 sekolah berentap menonjolkan bakat masing-masing di dalam Putrajaya Wind Orchestara Competition 2019 yang berlangsung di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3 anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Tetamu kehormat yang hadir memeriahkan pertandingan ini adalah YABhg. Tun Dr. Siti Hasmah Binti Mohamad Ali, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim, Presiden PPj, YBhg. Dato' Dr. Ammar Bin Abd. Ghapar, Pengarah Bahagian Domestik, Tourism Malaysia dan YBrs. Encik Zainal Bin Abas, Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Julung kali diadakan pertandingan ini merupakan tanda sokongan PPj dalam pembangunan insaniah terutama bagi generasi muda melalui pelbagai cabang termasuk seni muzik. Selain daripada itu, pertandingan ini merupakan platform bagi generasi muda untuk menimba pengalaman dan melahirkan pelapis karyawan tanah air serta berbakat dalam bidang kesenian.

Pertandingan Putrajaya Wind Orchestra menampilkan penyertaan lima (5) sekolah iaitu Sekolah Menengah Perempuan St. George Pulau Pinang, Sekolah Menengah Sains Selangor, Sekolah Sultan Alam Shah Putrajaya, Kolej Melayu Kuala Kangsar dan Sekolah Tuanku Abdul Rahman.

Setiap pasukan akan mempersembahkan dua (2) buah lagu. Persembahan dinilai oleh empat (4) orang juri yang terdiri daripada penggiat seni profesional iaitu YBhg. Datuk Mustafa Fuzer Bin Nawi, Encik Ahmad Muriz Che Rose, Encik Jaafar Bin Abd Rahman @Idris dan Encik Anthony Chew.

Juara pertandingan membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000 berserta Piala Pusingan Presiden, piala iringan dan sijil penyertaan. Naib johan dan pemenang tempat ketiga pula akan membawa hadiah wang tunai sebanyak RM3,000 dan RM1,500 berserta piala iringan dan sijil penyertaan.

Putrajaya Wind Orchestra Competition 2019 merupakan salah satu usaha Perbadanan Putrajaya mempelbagaikan aktiviti kesenian di Putrajaya. Pertandingan ini akan dijadikan sebagai acara tahunan Putrajaya yang akan diperluaskan ke peringkat antarabangsa.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pegawai Perhubungan Media, Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-88877347 / 019-3354346 atau e-mel ke alamat [m.fairus@ppj.gov.my](mailto:m.fairus@ppj.gov.my).



**(TENGGU AINA BINTI TENGGU ISMAIL SHAH)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 22 Februari 2019